

## **Gen-Y: Minat dan Opsyen Kerjaya**

oleh Jakaria Dasan

Kajian terhadap Generasi Y atau ringkasnya Gen-Y menyebut bahawa kumpulan ini mempunyai citarasa berlainan daripada generasi sebelumnya mengenai kerjaya yang ingin diceburi. Pernyataan ini mungkin benar memandangkan generasi ini hidup dalam kerancakan teknologi yang sentiasa mengubah lanskap kerjaya. Mentaliti untuk bekerja makan gaji di Jabatan Kerajaan tidak lagi menjadi tarikan utama disebabkan keterhadan peluang perjawatan yang ada. Manakala, kerjaya yang disediakan oleh pihak swasta masih banyak, namun fokus yang spesifik terhadap kebolehan dan kemahiran tertentu menyukarkan para pencari kerja khususnya graduan untuk mendapat peluang bekerja. Disebabkan oleh realiti ini dan ke arah menuju negara maju berpendapatan tinggi, graduan khususnya, perlu melihat industri kreatif sebagai satu opsyen yang boleh memberikan punca pendapatan yang lumayan.

Terdapat kajian yang merujuk bahawa *passion* atau minat yang mendalam terhadap sesuatu atau pekerjaan sebagai punca kejayaan apa sahaja perkara yang ingin dilakukan. Namun demikian, *passion* terbahagi kepada dua jenis iaitu; *harmonious passion* atau keghairahan yang harmoni dan *obsessive passion* atau keghairahan yang keterlaluan. Kebiasaananya keghairahan yang harmoni memberi keputusan yang positif, manakala keghairahan yang keterlaluan adalah sebaliknya. Keputusan ini bergantung kepada pengaruh konteks dan perkara yang hendak dikejar atau dicapai. Dalam konteks mahasiswa di Universiti, mungkin terdapat sebahagian yang sudah tahu apa kerjaya yang bakal mereka ceburi kelak. Ini wujud khususnya dalam kalangan pelajar Tahun Akhir. Tetapi kepada para pelajar Tahun 1 khususnya, pemilihan kerjaya masih samar-samar. Oleh yang demikian, tidak wujud "keazaman" yang kuat dalam mengikuti pengajian mereka sehingga ke Tahun Akhir. Di sinilah bagaimana pemahaman mengenai keghairahan yang harmoni dan keghairahan yang keterlaluan itu dapat dibuat analisa. Pelajar Tahun 1 perlu memiliki keghairahan yang harmoni dengan melihat semua subjek sebagai elemen penting untuk membolehkan mereka memilih kerjaya yang bersesuaian dengan bidang pengajian mereka. Namun dalam masa yang sama, kelompok pelajar yang memiliki keghairahan yang harmoni ini juga memupuk minat yang mendalam pada subjek lain khususnya seperti komunikasi, ICT dan teknikal., bagi kumpulan pelajar yang memiliki keghairahan yang keterlaluan pada bidang mereka sahaja, mereka ini akan lebih memberatkan kepada memupuk ilmu dalam subjek tertentu sahaja. Akibatnya, mereka akan berhadapan dengan krisis kerjaya kelak.

Dalam hubungan ini, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS, menerusi Program Kursus Komunikasi Korporatnya telah mengadakan Seminar Kerjaya pada 19 Mei 2015 bertempat di Dewan Kuliah Perdana 2, melibatkan hampir 300 orang pelajarnya yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun 1 dan 2. Pengurus Pengangur yang juga Pensyarah Kursus, En Jakaria Dasan, menerangkan bahawa salah satu daripada pendedahan awal yang cukup penting kepada para pelajar ialah mendedahkan kepada para pelajar mengenai realiti sebenar peluang pekerjaan yang ada pada masakini dan masa depan. Justeru, seawal Tahun 1, para pelajar bukan sahaja diajar mengenai prinsip dan teori berkaitan komunikasi di organisasi, malah mereka juga diberi peluang untuk

mengetahui sendiri keadaan sebenar pasaran kerja. Seminar Kerjaya yang dianjurkan melalui Kursus Komunikasi Korporat merupakan satu inisiatif bersepadan Fakulti yang diketuai oleh Dekannya, Prof. Madya Dr Rasid Hj Mail, ke arah membentuk graduan UMS yang berdaya saing tinggi setelah bergraduat kelak. Seminar ini bakal diadakan setiap semester dengan menjemput penceramah-penceramah berkaliber dari Jabatan Kerajaan, Swasta dan Usahawan Berjaya.

Pada Seminar yang diadakan, En Suhaimi Untong, Pengurus Kanan Kumpulan SEDCO telah menyampaikan ceramahnya berkenaan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan peluang-peluang kerjaya yang ada di SEDCO dan Syarikat-Syarikat Kumpulan SEDCO. Antara lain, En Suhaimi menegaskan bahawa kemahiran berkomunikasi dengan baik merupakan antara sebab utama mengapa ramai graduan gagal dalam mendapatkan pekerjaan. Justeru, beliau menyarankan agar para pelajar walau dalam apa jua bidang pengajian perlu memastikan bahawa "*interpersonal communication*" sentiasa di pertingkatkan. Puan Mary Jim, penceramah kedua merupakan usahawanita jaya yang merupakan Pengarah Urusan Swepp Academy. Beliau mengusahakan perniagaan dandanan dan aneka jenis perniagaan berkaitan. Berasal daripada keluarga yang susah dari Keningau Sabah, dan setelah kematian ayahnya, beliau sudah menyara ibu dan 5 orang adik beradiknya seawal usia belasan tahun. Beliau percaya selain usaha, ilmu penting untuk mempertingkatkan kualiti perniagaan. Beliau adalah salah seorang graduan SME yang berjaya melengkapkan pengajian sulung kendalian FPEP baru-baru ini.

Lebih dikenali sebagai antara tokoh muda dalam politik negeri, penceramah ketiga, En Mohd Joh Hj Wid adalah Setiausaha Politik kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Beliau menyampaikan ceramah "Kreativi: Industri Yang Perlu Diteroka." Joh menegaskan bahawa usahawan hari ini dan masa depan bakal dicorakkan oleh perniagaan yang berteraskan kreativiti. Ini adalah kerana perniagaan berteraskan kreativiti mempunyai daya tarikan yang tinggi dan penawaran terhadap produk ini adalah merentas sempadan. Disamping kedudukannya sebagai Hab Kreatif yang berpotensi, Sepanggar juga lengkap dengan prasarana eko-sistem yang menyokong perniagaan yang berteraskan kreativiti. Joh yang merupakan anak jati kawasan Sepanggar, turut berkongsi ideanya mengenai kedudukan Sepanggar sebagai hab strategik untuk industri kreatif. Beliau mendapati bahawa Sepanggar memiliki eko-sistem atau infrastruktur yang sangat kondusif untuk industri ini. Selain terletaknya UMS, UiTM, KYS, Politeknik, dan lain-lain institusi pendidikan, Sepanggar juga merupakan laluan jalur lebar terpantas di Bandaraya Kota Kinabalu. Sehubungan itu, para pelajar khususnya dari Sabah wajar melihat bahawa peluang kerjaya itu boleh dihasilkan menerusi industri kreatif yang mungkin berpusat dalam laman UMS itu sendiri sebagai sebahagian dari Sepanggar.

Konotasi kepada industri kreatif ini bolehlah disamakan dengan keindahan flora dan fauna di Bandaraya Kota Kinabalu termasuklah dalam kampus Universiti Malaysia Sabah. Dimana baru-baru ini, iaitu pada bulan April dan awal Mei, Kampus UMS mempamerkan suatu pemandangan yang sangat indah dengan pokok-pokok bunga yang unik dan cantik. Keadaan ini menyebabkan seseorang yang berada di bandaraya Kota Kinabalu amnya dan kampus UMS khususnya berasakan seperti berada di luar negara pada musim bunga yang mempersona. Keindahan bunga-bunga ini bukan sahaja memikat pengunjung tempatan malah pelancong asing yang sempat bertandang ke UMS. Prasarana industri kreatif sudah tersedia. Sebagaimana bunga-bunga yang cantik dan mempersona

itu, kita hanya menantikan produk atau perkhidmatan berteraskan kreatif yang bakal dihasilkan sahaja.

Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Naib Canselor UMS, menegaskan bahawa UMS komited bukan sahaja untuk melahirkan graduan yang matang dan berilmu, bahkan juga melahirkan graduan yang bukan sahaja mampu memenuhi kehendak majikan bahkan juga bersedia untuk membina empayar kerjaya mereka sendiri. Untuk berjaya mengharungi pasaran kerja ketika bergraduat kelak, para pelajar seharusnya tidak mengehadkan opsyen kerjaya kepada satu-satu jenis kerjaya sahaja. Dahulu ketika di Sekolah Rendah pun, guru akan menanyakan tiga opsyen pekerjaan yang menjadi pilihan. Mungkin sudah tiba masanya, kenapa teras kepada memilih tiga jenis pekerjaan itu didalami maksudnya. Secara umum, ia sebenarnya untuk membolehkan pelajar sentiasa ada kontingensi plan dalam pemilihan kerjaya agar tidak buntu jika pilihan pertama atau kedua tidak diperolehi. Secara khusus, idea ini sebenarnya ingin melatih pelajar bahawa pilihan kerjaya itu tidak perlu disempitkan kepada memahami atau memiliki satu kelayakan sahaja. Dengan kata lain, pelajar perlu memiliki atau menguasai pelbagai kemahiran lain untuk berjaya samada sebagai pekerja atau usahawan.